

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 21 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1441-MQT1194
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengenai peluang pendidikan tinggi yang disediakan terutamanya ke universiti-universiti awam bagi lepasan diploma daripada politeknik-politeknik tempatan. Didapati ramai yang memperoleh keputusan yang cemerlang dari politeknik tidak mendapat tempat melanjutkan pelajaran di menara gading tahun ini. Mohon penjelasan.

2. PR-1441-MQT1187
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan strategik bagi memastikan dasar harga karbon yang sentiasa kompetitif dalam pelan perdagangan karbon yang akan diperkenalkan kelak bagi menarik penyertaan pasaran karbon global.

3. PR-1441-MQT1170
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah Kementerian akan menurunkan lagi harga maksimum Kit Pengujian Kendiri secara berperingkat daripada harga siling yang telah ditetapkan pada RM19.90 ketika ini, memandangkan Kit ini telah menjadi satu keperluan masa kini. Penurunan harga secara berperingkat ini diyakini akan membolehkan lebih ramai rakyat mampu membeli Kit ini, khususnya golongan B40.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 21 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1441-L12624
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini Perkongsian Ekonomi Menyeluruh Serantau (RCEP) dan apakah rancangan bagi meningkatkan kerjasama antara negara-negara perjanjian RCEP.
2. PR-1441-L12528
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan Undi 18 dan langkah-langkah seterusnya yang akan diambil untuk melaksanakannya.
3. PR-1441-L11902
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk program vaksinasi di seluruh negara mengikut PPV.
4. PR-1441-L12296
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Malaysia akan mengiktiraf negara Afghanistan di bawah pemerintahan baharu Taliban.

5. PR-1441-L12182
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persediaan terkini Kerajaan untuk urusan rakyat Malaysia menunaikan fardu haji dan umrah di tanah suci Mekah setelah hampir dua tahun negara tidak berpeluang menghantar jemaah ekoran pandemik COVID-19.
6. PR-1441-L11951
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tentang bilangan pemohon yang menunggu untuk mendapatkan unit PPR di Wilayah Persekutuan.
7. PR-1441-L12041
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah proaktif bersama badan antarabangsa termasuk negara anggota OIC bagi mengukuhkan komitmen bersama untuk bantuan pembangunan semula Gaza, Palestin pasca perang 2021.
8. PR-1441-L12192
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan National Determined Contributions (NDC) baru Malaysia untuk Paris Agreement. Adakah Kerajaan akan mengenal pasti sasaran untuk mencapai *Net Zero Carbon* pada tahun tertentu seperti US, European Union (EU) dan China.
9. PR-1441-L12233
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terkini projek jalan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) *bypass* dan jalan Jelawat *bypass* di Bachok, Kelantan.
10. PR-1441-L11641
Datuk Liew Chin Jin @ Christina Liew [Tawau] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
 - (a) memandangkan kadar vaksinasi yang rendah di Kawasan Parlimen P.190 Tawau, bolehkah Kerajaan meningkatkan bekalan vaksin dan berapakah kuantiti yang dapat diberikan? Daripada sejumlah 362,000 penduduk orang yang layak menerima vaksin, hanya seramai 161,606 orang sudah divaksinasi setakat 15hb Ogos 2021 (iaitu 113,606 orang bagi dos pertama dan 48,000 orang bagi dos kedua. Ini merupakan 44.64 peratus sahaja daripada jumlah orang yang layak divaksinasi; dan

- (b) adakah Kerajaan akan mempertingkatkan keperluan untuk menubuhkan pusat vaksinasi pandu lalu dan pusat vaksinasi bergerak di Tawau.
11. PR-1441-L12060
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini guru Kafa yang berkhidmat secara kontrak ke jawatan tetap seperti yang dijanjikan sebelum ini.
12. PR-1441-L11626
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mengkaji semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) supaya PGK itu adalah lebih menggambarkan situasi terkini.
13. PR-1441-L12309
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-
- (a) apakah status pengoperasian anak syarikat kepada Lembaga Lada Malaysia iaitu Sara Spice Sdn Bhd dan prestasi syarikat tersebut sehingga ke hari ini ; dan
- (b) apakah dengan penubuhan dan pengoperasian anak syarikat ini, pihak Kementerian berupaya untuk menjalankan tugas penguatkuasaan.
14. PR-1441-L11657
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan signifikan bagi peruntukan yang telah dibelanjakan oleh JKOM terhadap pembentukan publisiti Kerajaan dalam menangani COVID-19 memandangkan JKOM dilihat telah disalahgunakan untuk tujuan politik bagi memburukkan imej pihak tertentu.
15. PR-1441-L11520
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat melaksanakan Akta Anti Lompat Parti memandangkan isu ini telah menyebabkan ketidakstabilan dalam lanskap politik negara dan memberi impak negatif kepada proses pembangunan negara secara keseluruhan.

16. PR-1441-L12556
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah justifikasi untuk menggunakan stadium dan dewan mega sebagai Pusat Pemberian Vaksin dan mengapa dewan-dewan orang ramai, balai raya dan dewan sekolah tidak digunakan untuk melicinkan proses pemberian vaksin kepada masyarakat setempat.
17. PR-1441-L12143
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan umat Islam Malaysia dapat menunaikan haji dan umrah selepas pengumuman Kerajaan Arab Saudi membenarkan jemaah dari luar negara menunaikan haji dan umrah bermula 9 Ogos lalu.
18. PR-1441-L11933
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah pendirian Kementerian tentang pembinaan insinerator baru dan syarat-syaratnya. Sama ada kerajaan bersetuju dengan pembinaan insinerator baru di Lot 43852 (PT6327)/ HS(D) 206502, Bandar Seri Sendayan, daerah Seremban, yang mana lokasinya berdekatan dengan pelbagai projek perumahan, komersial, pendidikan dan perindustrian yang pesat membangun.
19. PR-1441-L12001
Dato' Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa jumlah vaksin yang akan dihantar ke Sabah setiap minggu bagi memastikan 80% daripada populasi dewasa termasuk bukan warganegara (BWN) lengkap divaksinasi menjelang akhir bulan oktober.
20. PR-1441-L12553
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perincian berapa baki wang simpanan tetap di bank oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, jumlah faedah daripada simpanan tetap itu bagi tahun terkini dan apa pelan jangka masa panjang bagi wang simpanan tetap ini semasa pandemik COVID-19.
21. PR-1441-L12003
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini rundingan berkenaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (RUU 355) dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

22. PR-1441-L11822
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam meningkatkan keyakinan para pelabur selepas kegagalan Kerajaan menguruskan pandemik COVID-19 dan *lockdown* yang berpanjangan.
23. PR-1441-L12217
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan semasa Kerajaan bagi memastikan Roadmap Pelan Pemerkasaan Undang-undang Syariah 2020-2025 tercapai.
24. PR-1441-L12025
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah hasil siasatan kes picagari vaksin COVID-19 yang kosong. Setakat ini berapa aduan rasmi yang diterima oleh pihak Kementerian.
25. PR-1441-L11503
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan isu berkaitan dengan pemberian air kepada negara Singapura. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk merunding semula harga jualan air mentah ke negara Singapura.
26. PR-1441-L11512
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah tenaga kerja sektor pembuatan dan perkilangan sehingga Jun 2021 dan berapa ramai pekerja yang sudah lengkap divaksinasi dua dos.
27. PR-1441-L12176
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
- (a) pencapaian terkini program vaksinasi kebangsaan dan berapa lamakah tempoh pertahanan antibodi seseorang yang telah menerima vaksin yang lengkap ; dan
 - (b) jangkaan situasi kesihatan negara dan persediaan Kerajaan menghadapi gelombang penularan COVID-19 sehingga penghujung tahun 2021 dan pertengahan tahun 2022.

28. PR-1441-L12456

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) jumlah anggota Perkhidmatan Awam Gred JUSA C ke atas yang ditempatkan secara pentadbiran (*Pool*) di Jabatan Perkhidmatan Awam termasuk KSU dan Ketua Pengarah jabatan yang terlibat; dan
- (b) berapa lama seseorang penjawat awam tersebut yang ditempatkan secara pentadbiran (*Pool*) di JPA.

29. PR-1441-L12514

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk memberi vaksin kepada golongan berusia 12 hingga 18 tahun memandangkan banyak kes-kes positif melibatkan golongan ini; dan
- (b) dari segi sains, adakah Kerajaan ada data untuk vaksin sedia ada adalah selamat untuk golongan berusia 18 tahun ke bawah.

30. PR-1441-L11508

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membuka semua sektor ekonomi memandangkan ekonomi negara semakin rumit.

31. PR-1441-L11621

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam menangani isu penjualan sijil digital vaksin palsu yang berlaku baru-baru ini.

32. PR-1441-L11810

Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kenapa pada 17 Jun 2021 hanya 273 PPV klinik swasta (atau PPV GPs, tidak termasuk PPV Hospital Swasta) yang terlibat dalam program vaksinasi dan setakat tarikh itu hanya menyampaikan 3,821 dos sahaja (purata 14 dos se klinik sahaja) padahal di dalam negara wujud lebih 7000 klinik swasta yang berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan.

33. PR-1441-L12086
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen dan usaha Kerajaan di dalam memperkenalkan Rang Undang-undang Anti Lompat Parti bagi mengekang aktiviti lompat parti yang boleh menjejaskan kestabilan politik.
34. PR-1441-L11669
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa bilangan Pusat Suntikan Vaksin yang telah dibuka di Pulau Pinang sehingga sekarang dan adakah Kerajaan bercadang untuk menukar lokasi pusat pemberian vaksin dari satu lokasi ke lokasi yang lain berdasarkan kepada jangkitan wabak COVID-19 di sesuatu tempat.
35. PR-1441-L11628
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Pendaftaran Pengundi secara automatik dan penguatkuasaan usia kelayakan mengundi 18 tahun.
36. PR-1441-L11939
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan yang akan diberikan supaya perbicaraan kes-kes kluster mahkamah dapat dijalankan tanpa sebarang campur tangan atau gangguan dari mana-mana pihak.
37. PR-1441-L12222
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos termasuk saraan, elaun, pejabat dan staf bagi Duta-Duta Khas bertaraf Menteri dari tahun 2020 sehingga 2021.
38. PR-1441-L12452
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal undang-undang dan/atau pindaan kepada undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan untuk tidak membenarkan mana-mana Ahli Parlimen dari melompat parti selepas sesuatu Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya kecil pada sesi sidang Parlimen ini.

39. PR-1441-L11836
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tindakan yang telah diambil dan/atau yang akan diambil untuk memastikan warga Perak dapat mendapat suntikan vaksin COVID-19 dengan secepat mungkin. Adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan lebih banyak Pusat Pemberian Vaksin Awam (PPV) di daerah Kampar.
40. PR-1441-L12160
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos perbelanjaan bagi aplikasi MySejahtera setakat ini dan apakah syarat-syarat di bawah kontrak tersebut terutamanya terhadap mereka yang bertanggungjawab apabila terdapat masalah/isu aplikasi tersebut memandangkan aplikasi MySejahtera masih banyak masalah dan perkhidmatannya kurang memuaskan.
41. PR-1441-L12497
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci apakah persiapan rapi untuk melaksanakan UNDI 18 menjelang PRU ke 15 dan anggaran jumlah kos yang terlibat.
42. PR-1441-L11864
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Undi 18 tanpa menunggu pelaksanaan pendaftaran automatik yang akan mengambil masa dan sama ada pindaan undang-undang akan dibentangkan di Parlimen untuk tujuan tersebut sebelum pilihan raya yang akan datang.
43. PR-1441-L12251
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
(a) berapa jumlah dan peratusan penggunaan automasi di Malaysia sehingga 1 September 2021 mengikut sektor ekonomi dan pekerjaan; dan
(b) sejauh manakah dasar Industry4WRD bagi telah menggalakkan automasi dalam pekerjaan pada waktu COVID-19.
44. PR-1441-L12573
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
(a) bilakah Kerajaan akan meminda Kanun Keseksaan agar tindakan membunuh diri bukan satu jenayah, ; dan

- (b) adakah Kerajaan akan menetapkan moratorium untuk tindakan membunuh diri dan berapa bilangan kes bunuh diri dari tahun 2019 sehingga kini mengikut pecahan bulan dan bilangan pendakwaan ke atas mereka yang cuba membunuh diri.
45. PR-1441-L12435
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status pembinaan projek tebatan banjir di daerah Penampang kerana banjir sentiasa berlaku di kebanyakan kawasan di Penampang setiap kali hujan lebat sehingga mengakibatkan kerugian yang besar kepada peniaga dan pemilik rumah.
46. PR-1441-L12353
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah membayar atau dikehendaki untuk membuat bayaran kepada aplikasi MySejahtera dalam penggunaannya khasnya dalam Program PICK.
47. PR-1441-L12634
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membuang peruntukan yang menyekat mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan daripada bertanding semula.
48. PR-1441-L12300
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan yang baharu dibentuk ini dapat meneruskan segala inisiatif yang telah direncanakan oleh mantan Perdana Menteri terdahulu khususnya segala projek-projek pembangunan infrastruktur yang dijalankan di kawasan Parlimen Julau.
49. PR-1441-L11849
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai hasrat untuk membawa pembaharuan kepada institusi-institusi Kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya dan Parlimen untuk meletakkan Malaysia di landasan yang betul dan progresif.

50. PR-1441-L11677
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan tujuh tawaran Kerjasama Rentas Parti yang dibentang oleh bekas Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin, termasuk penggubalan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti, peruntukan sama rata kepada semua Ahli Parlimen tanpa mengira parti, dan pelaksanaan Undi 18 tanpa perlu menunggu pendaftaran automatik.
51. PR-1441-L12412
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memastikan syarikat GLC beroperasi secara profesional dengan kakitangan berkeelayakan tanpa campur tangan ahli politik sebagai langkah mengurangkan kadar rasuah negara yang berada di kedudukan 57 daripada 180 menurut Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia.
52. PR-1441-L12521
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Perkara 43(4) Perlembagaan Persekutuan supaya lebih jelas dari segi Perlembagaan tentang penentuan majoriti sokongan kepercayaan Ahli Dewan Rakyat terhadap Perdana Menteri.
53. PR-1441-L12037
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status perkembangan projek Tebatan Banjir di daerah Tenom.
54. PR-1441-L11661
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butir-butir secara terperinci Menteri dan Timbalan Menteri yang telah menjalankan kerja pengubahsuaian pejabat mereka sepanjang tahun 2020 dan 2021 termasuk pembelian perabot baharu dan nyatakan secara terperinci kos terlibat serta namakan pihak/syarikat yang mendapat tawaran kerja pengubahsuaian tersebut.
55. PR-1441-L11817
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tumpuan utama Pelan Malaysia ke-12 dan bagaimana perancangan Kerajaan di dalam memastikan Malaysia menjadi sebuah negara digital yang kompetitif.

56. PR-1441-L12194
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memperundang Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti.
57. PR-1441-L11739
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sejak Julai 2019 untuk melaksanakan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun (UNDI18) dan pendaftaran pengundi automatik, dan apakah halangan-halangan lain yang masih memerlukan penyelesaian.
58. PR-1441-L12507
Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) status Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen; dan
 - (b) memberikan satu garis masa yang jelas untuk membentangkan Rang Undang-Undang tersebut.
59. PR-1441-L11923
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kewarasan dalam penutupan PPV di Lembah Klang dan hanya membenarkan 1 mega PPV di setiap daerah yang berpotensi menjadi kluster PPV. Apakah pelan tindakan bagi memvaksin warganegara yang tidak ada akses kepada MySejahtera dan belum divaksin serta pelarian dan PATI.
60. PR-1441-L12245
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen dan butiran mengenai rangka masa, cabaran, dan perancangan yang perlu diuruskan bagi memastikan RUU ini dapat dilaksanakan pada waktu yang terdekat.
61. PR-1441-L11693
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan jaminan tentang Projek Tebatan Banjir Sungai Semantan di Tanjung Kerayung, Mentakab (Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Semantan), daerah Temerloh Fasa 1 Pahang dengan kos projek berjumlah RM50 juta yang telah diluluskan dalam RMK-11 dilaksanakan dengan jaya supaya banjir di bandar Mentakab dan kawasan sekitarnya dapat dibendung. Apakah status terkini projek ini.

62. PR-1441-L12365
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan secara terperinci jumlah pembekalan vaksin COVID-19 yang telah dijadualkan berbanding dengan jumlah vaksin yang sebenarnya diserahkan kepada negeri-negeri masing-masing. Apakah langkah-langkah untuk memastikan setiap negeri akan dibekalkan vaksin yang mencukupi dan secara adil.
63. PR-1441-L12214
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membentangkan kembali Rang Undang-undang (RUU) berkaitan had perjawatan Perdana Menteri dan juga Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) dalam usaha untuk membawa pembaharuan kepada institusi negara.
64. PR-1441-L11760
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menilai semula had pendapatan garis kemiskinan pada tahun 2020 oleh kerana ketetapan ini tidak selari dengan kadar pengangguran negara dan golongan B40 yang semakin meningkat.
65. PR-1441-L11487
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fungsi khusus yang dimainkan oleh '*Poverty Circle*' yang diurusetikan oleh Unit Perancang Ekonomi dan jaminan pembentukan jawatankuasa tersebut terhadap pengurangan kadar kemiskinan tegar di seluruh negeri Sabah.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Dato' Hajah Azizah Binti Mohd Dun [Beaufort]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya : -

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (20 September 2021)

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 24/2020) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 3. | (D.R 13/2020) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 4. | (D.R 14/2020) | Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 5. | (D.R 15/2020) | Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 | " |
| | | [Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi] | |
| 6. | (D.R 12/2020) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 | " |
| | | [Menteri Dalam Negeri] | |

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".

9. PR-1441-U(27)201

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."

[Perdana Menteri]

10. PR-1441-U(27)202

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

[Perdana Menteri]

11. PR-1441-U(27)203

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;

3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan

4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

[Perdana Menteri]

12. PR-1441-U(27)204

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Perdana Menteri]

13. PR-1441-U(27)205

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuan] akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 1	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Keempat Belas terhadap Tindakan Susulan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen (DR 14/2019) berhubung Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG) 1. Kementerian Kewangan (MOF) 2. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)	21 September 2021
ST. 13	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Bagi Tahun 2019	21 September 2021
ST. 15	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Bagi Tahun 2019	21 September 2021
ST. 23	Laporan Tahunan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Bagi Tahun 2019	21 September 2021
ST. 94	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) & SPPP (Teluk Ewa) Bagi Tahun 2019	21 September 2021
ST. 95	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) & Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM) Bagi Tahun 2019	21 September 2021
ST. 96	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) Bagi Tahun 2019	21 September 2021
ST. 97	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) Bagi Tahun 2019	21 September 2021
ST. 98	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kemaman (LPKmn) Bagi Tahun 2019	21 September 2021

<u>TAHUN</u> <u>2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 99	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) dan Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL) Bagi Tahun 2019	21 September 2021
ST. 106	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Bagi Tahun 2019	21 September 2021
ST. 107	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Bagi Tahun 2019	21 September 2021
ST. 108	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan Bagi Tahun 2019	21 September 2021

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 21.09.2021 (Selasa)	1. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Reformasi Proses Pilihan Raya Dan SPR	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
2. 21.09.2021 (Selasa)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Sektor Perkilangan Minuman Beralkohol Dalam 'Negative List'	2. YB Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa Dan Industri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**